

Pasukan badminton UMS siap sedia

► *Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) 2015*

KOTA KINABALU: Pemain badminton campuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang giat menjalani latihan pusat bagi menghadapi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) 2015 pada 18 hingga 21 Ogos di UiTM Shah Alam.

Pengurus Pasukan Badminton UMS Amat Jutrah Haji Musnih berkata, latihan yang dijalankan sejak 27 Julai lalu sehingga 15 Ogos di gelanggang badminton UMS itu bagi menghadapi tiga lawan iaitu USIM, UM dan UMT yang berada dalam Kumpulan C.

Katanya, semua pemain yang dibimbing jurulatih berpengalaman, Jais Osman dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan dibantu oleh ketua pasukan, Dr Tahir Mapa menjalani latihan untuk memperkemas, memantap dan membuat persiapan yang terbaik bagi menyaingi dan memberikan cabaran kepada pasukan lain.



JAIS

Amat Jutrah yang juga Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas) berkata, latihan-latihan yang dijalankan menggunakan pelbagai kaedah yang terbaik bagi mempertingkatkan segala bentuk penyerapan mengikut pengalaman-pengalaman di beberapa penyertaan pemain UMS sama ada di peringkat negeri Sabah mahupun di sukan IPTA yang lalu.

“Saya percaya dengan kedudukan dalam kumpulan



MOHD TAHIR



ATIKA



JAIS Osman mengendalikan latihan pusat UMS.

berkenaan, pasukan badminton campuran UMS berada pada tahap yang terbaik jika dibandingkan sebelum ini, dan memang berupaya menyekat mana-mana pasukan dalam kumpulan C di

Kejohanan Sukan Staf 2015, “katanya.

Beliau berkata, Jais Osman dan Dr Mohd Tahir mengendalikan latihan dua kali sehari iaitu pada sesi pagi dan petang.

Di antara pemain yang terpilih adalah Abdul Jalil Sapli, Atika Shaiffuddin, Che Din Salleh, Carlervin Sukim, Dr. Mohammad Tahir Mapa, Farizah Ismail, Nancy Ignasius, Mosli Tarsat, Musri Ismenyah, Mohd Farhan Mohd Johar, Mohd Fazle Jahani, Prof. Madya Dr. Suhaimi Md. Yasir, Richard Lee, Rosnani Saibin, Roslinda Sanan dan dua orang ahli Kekaumas, Pazil Teek dan M. Machdy Wismajaya sebagai pembantu teknikal pasukan badminton Campuran UMS.


Penyertaan yang nekad oleh pasukan Badminton Campuran UMS untuk menyertai kejohanan berkenaan adalah atas kerelaan semua pemain yang menggunakan perbelanjaan sendiri termasuk tiket penerban-

gan, penginapan dan makan di samping pembelian baju untuk pemain.

Amat Jutrah berharap pada kejohanan kali ini pemain UMS akan membawa kejayaan yang cemerlang sekurang-kurangnya membawa pulang pingat gangsa.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali atas sokongan, dorongan dan semangat mereka kepada pasukan badminton campuran UMS sehingga sesi latihan dapat dijalankan dengan baik dan sempurna.

“Sokongan Dr Ismail dan No'man pasti menaikkan semangat pemain untuk menghadapi pemain lawan. Saya menaruh keyakinan jika pemain mengikuti arahan jurulatih, UMS bakal membawa pulang sekurang-kurangnya pingat gangsa,” katanya.



AMAT Jutrah (berdiri dua kanan) bersama pemain UMS yang akan menghadapi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) 2015.